

INTEGRASI SENI VISUAL DAN SENI MUZIK DALAM KELAS PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Siti Hawa binti Mohd Nawawi, Faridah binti Salam, PhD
 IPG Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam

ABSTRAK

Kertas konsep ini bertajuk integrasi subjek Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Muzik merentasi subjek-subjek yang lain, khususnya untuk kelas pendidikan awal kanak-kanak. Pada peringkat awal, penulis memetik kata-kata tokoh-tokoh, teori-teori dan kaedah-kaedah pembelajaran yang berkait rapat dengan kedua-dua disiplin ini seperti Howard Gardner melalui Teori Pembelajaran Pelbagai Kebolehan. Turut dikupas adalah kebaikan atau faedah mengintegrasikan kedua-dua disiplin ilmu merentasi kurikulum seperti menghidupkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan mempelbagaikan aktiviti dalam kelas untuk menarik minat murid-murid yang pelbagai kebolehan. Hal ini diikuti dengan kandungan-kandungan umum dalam kedua-dua disiplin ilmu ini. Misalnya, harmoni dan melodi dalam Pendidikan Muzik; manakala unsurimbangan, harmoni dan kontras dalam Pendidikan Seni Visual. Diikuti dengan cara-cara mengintegrasikan kedua-dua disiplin ilmu melalui contoh-contoh Rancangan Pengajaran Harian (RPH) atau modul yang diubahsuai dengan subjek sains dan bahasa Melayu untuk memudahkan pemahaman pembaca.

Kata Kunci: Seni Visual, Seni Muzik, Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Perkembangan Kanak-kanak.

ABSTRACT

This concept paper entitled the integration of Visual Arts Education and Music Education subjects into other subjects, especially for early childhood education classes. At an early stage, the author quotes the words of scholars, theories and learning methods that are closely related to these two disciplines such as Howard Gardner through the Theory of Multiple Learning Abilities. Also discussed in this paper are the benefits and advantages of integrating the two disciplines with the curriculum such as creating a more enjoyable learning environment and diversifying activities in the classroom in order to attract students of various abilities. Furthermore, the general contents in both disciplines of study are also explained. For example, harmony and melody in Music Education; while the elements of balance, harmony and contrast in Visual Arts Education. Next, followed by the methods of integrating the two disciplines through examples Daily Lesson Plan (RPH) or a modified module with Science and Bahasa to facilitate the reader's understanding.

Keywords : Visual Arts, Music, Early Childhood Education, Child Development.

PENGENALAN

Terdapat beberapa komponen dalam belajar sambil bermain. Selain pergerakan, salah satu komponen belajar sambil bermain adalah melalui komponen integrasi Pendidikan Seni Visual dan Seni Muzik. Mengikut Dauer dan Pangrazi (1983), kanak-kanak mempunyai keinginan untuk bergerak, berlakon dan sentiasa aktif. Bagi meningkatkan perkembangan fisiologi dan intelektual, kanak-kanak perlu diberi bimbingan, perhatian dan pengajaran yang sempurna. Menurut Saayah Abu (2008), sebagai guru

pendidikan awal kanak-kanak yang profesional, guru perlu memahami dunia kanak-kanak dengan lebih spesifik seperti keperluan bermain kerana keperluan bermain adalah fitrah penting kepada perkembangan mereka.

Atas faktor itulah, maka penulis mencadangkan tentang kepentingan aspek seni visual dan muzik, diintegrasikan ke dalam subjek-subjek dalam kelas pendidikan awal kanak-kanak, baik pada peringkat tadika (3-6 tahun), mahupun tahun 1, tahun 3 atau kanak-kanak yang berusia 7 hingga 9 tahun. Sehubungan dengan itu, sangatlah bersesuaian sekiranya kanak-kanak ini didedahkan dengan bidang seni visual dan seni muzik sejak awal proses pendidikan mereka lagi.

Integrasi Pendidikan Seni Visual dan Seni Muzik

Zulkifli Yaakob dan Mohd Jamel Ismail (2011), menyatakan bahawa pendidikan seni visual dan seni muzik adalah bidang-bidang yang mempunyai konsep irama, warna, lukisan dan ruang yang boleh dicapai melalui aktiviti penerokaan, memperoleh pengalaman dan ekspresi. Menurut Almodovar (2018), muzik menjadi alat yang sesuai untuk membentuk kanak-kanak untuk berkelakuan dengan cara yang sesuai secara sosial. Sesuai dengan teori pembelajaran konstruktivisme oleh Vygotsky, kanak-kanak pada peringkat umur 3-9 tahun boleh mencari ilmu melalui pembelajaran kendiri. Justeru itu, aktiviti-aktiviti dalam seni visual dan seni muzik yang diintegrasikan dalam mata pelajaran lain seperti Sains, Matematik dan Bahasa Melayu, mampu menarik minat dan menyokong sifat semula jadi kanak-kanak yang suka bermain dan suka meneroka alam sekeliling mereka.

Integrasi Seni Visual dan Muzik mampu meningkatkan perkembangan insan dan minda secara holistik (KPM, 2013). Kedua-dua bidang ini penting kerana dapat membantu meningkatkan kreativiti dan ekspresi kendiri seseorang kanak-kanak itu. Almodovar, (2018) melihat pengintegrasian seni visual dan muzik memang begitu penting sebagai cara untuk menggalakkan kreativiti pelajar. Seni visual dan seni muzik merupakan asas kepada perkembangan individu dan jika dirancang dengan baik, dapat merangsang kepekaan deria kanak-kanak.

Justeru itu, kanak-kanak perlu diberi peluang untuk menyatakan pendapat dan pengetahuan yang mereka temui. Suara keriangan kanak-kanak yang jelas kedengaran di dalam bilik darjah patut digalakkan semasa pembelajaran. Justeru itu, seni visual dan seni muzik membolehkan kanak-kanak menyertai proses pendidikan sepenuhnya tanpa merasa sebarang perbezaan.

Menurut teori pembelajaran Maslow, pendidikan boleh diumpamakan berada dalam tahap fisiologi. Tahap fisiologi merupakan keperluan asas kepada kanak-kanak yang perlu dipenuhi sebelum menuisya bersedia mencebur diri dalam hierarki kesempurnaan kendiri, maklumat dan estetik. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah bergantung kepada setakat mana keperluan-keperluan pelajar dapat dipenuhi. Menurut mereka lagi, bagi kanak-kanak kehidupan dan pembelajaran merupakan hala tuju yang artistik. Mereka dilahirkan dengan keperluan dan keinginan untuk mengetahui dunia di sekeliling mereka. Pemahaman mereka terbentuk dengan mempelajari sesuatu yang baharu. Kanak-kanak bukan sahaja perlu mengetahui fakta-fakta yang tersirat tetapi juga mengetahui bagaimana idea-idea berhubung kait antara satu dengan yang lain. Mereka boleh mencipta satu pemahaman tentang bagaimana untuk menghubung kait seni visual dan muzik dengan perasaan, intuisi dan kreativiti manusia. Justeru itu, salah satu cara asas untuk memenuhi perasaan ingin tahu dan kehendak kanak-kanak adalah melalui aktiviti seni yang mampu membangunkan potensi mereka untuk menjadi insan yang kreatif dan imaginatif.

Merujuk Modul Program Diploma (DPLI) Sekolah Rendah (SR) Komponen Wajib SPK2202W Kemaskini Ogos 2013, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013, Seni Visual merupakan satu bidang yang meliputi bidang-bidang berikut: antaranya ialah Asas Seni Reka (Unsur Seni dan Prinsip Rekaan) dan konsep muzik. Unsur seni terdiri daripada enam elemen asas yang penting dalam penggubahan sesuatu karya seni visual, iaitu garisan, rupa, bentuk dan jalinan.

Bidang Kegiatan Seni Visual dan Muzik Sekolah Rendah

Seni Visual

Empat bidang dalam Pendidikan Seni Visual sekolah rendah terdiri daripada:



Rajah 2.2.1: Unsur Seni

Muzik

Sementara itu, bidang muzik meliputi aspek-aspek berikut: irama, harmoni, melodi, ekspresi, bentuk, warna, jalinan. Setiap muzik ialah bunyian yang disusun secara sistematis dan mempunyai kualiti tersendiri. Susunan muzik yang betul dan teliti akan menentukan kualiti.

Kepentingan Seni Dan Muzik Pada Peringkat Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Zulkifli Yaakob dan Mohd Jamel Ismail, (2011), menyatakan bahawa muzik dapat membina nilai – nilai murni dalam kalangan pelajar, iaitu membentuk disiplin, membentuk sifat bekerjasama, sifat bertolak ansur, memberi rangsangan, memberi kegembiraan, merentas kurikulum, emosi dan memupuk keyakinan diri.

Probine (2019), penyelidikan menunjukkan bahawa seni visual menjadi domain yang kaya di mana anak-anak dapat meneroka dan menzahirkan pengalaman, memikirkan dan memperdalam teori kerja mereka, dan mengembangkan kemahiran berfikir secara kreatif. Menurut beliau lagi, seni visual menyokong pembelajaran kanak-kanak dalam beberapa cara:

Memudahkan Komunikasi

Bagi kanak-kanak pra-celik huruf, seni visual adalah kaedah utama di mana mereka dapat meneroka dan berkongsi persepsi terhadap dunia mereka. Seni visual dapat membantu kanak-kanak menyampaikan idea yang tidak mungkin dinyatakan secara lisan. Makna karya seni kanak-kanak tidak selalu jelas tetapi, dalam beberapa kes, tindakan mencipta seni dapat menggalakkan kanak-kanak bercakap semasa mereka melaksanakan aktiviti. Apabila ini berlaku, kedua-dua karya seni dan dialog yang berlaku bersama-sama, sama pentingnya dalam membantu guru memahami pemikiran kanak-kanak dengan lebih baik. Seni visual juga memberi sokongan kepada kanak-kanak untuk berkomunikasi antara satu sama lain, terutamanya ketika guru mencipta peluang untuk mereka melaksanakan projek bersama atau untuk meneroka minat bersama bersama.

Mengembangkan Pemikiran

Apabila kanak-kanak mencipta seni visual secara dalam kumpulan, tindakan mereka akan mewakili pemikiran secara visual seterusnya, membolehkan mereka berkongsi idea dengan orang lain. Hal yang

sedemikian, dapat menyokong kanak-kanak mengubah pemahaman mereka melalui kerja bersama. Dalam persekitaran seperti itu, kanak-kanak boleh mencuba idea serta strategi yang baharu yang diilhamkan oleh rakan sebaya mereka. Akhirnya, mereka akan gunakan semula dalam konteks yang berbeza. Dengan cara ini, seni visual menyokong kanak-kanak untuk mengembangkannya keupayaan metakognitif.

Meningkatkan Penghargaan

Seni visual menawarkan pelbagai penyelesaian untuk masalah atau cara sesuatu idea dapat diluahkan. Apabila kanak-kanak berpeluang untuk saling melihat hasil ciptaan seni visual dan dapat membincangkan idea yang mereka terokai, secara tidak langsung mereka dapat mengembangkan apresiasi terhadap perspektif yang berbeza dan pemahaman bahawa pengetahuan bersifat subjektif.

Menggalakkan Kreativiti dan Imagination

Seni visual membolehkan kanak-kanak memasuki dunia imaginatif, menjadi lebih kreatif dan terlibat dalam pemikiran semasa bermain. Membangunkan imaginasi kanak-kanak adalah penting untuk pembelajaran bagi menunjukkan rasa empati kepada orang lain. Kreativiti adalah keupayaan untuk mengembangkan idea dan penyelesaian unik yang bernilai. Seni visual mencetus eksperimen dan penerokaan, seterusnya, menyokong perkembangan kreativiti dan memupuk kemahiran berfikir seperti penyelesaian masalah, ketekunan, kolaborasi dan mendapatkan sokongan daripada orang lain.

Menawarkan Sokongan Emosi

Bagi sebilangan kanak-kanak, aktiviti seni merupakan kaedah utama untuk mereka memproses pengalaman. Penglibatan dalam seni visual dapat mempengaruhi kesejahteraan emosi mereka. Penyelidikan juga mendapati bahawa aktiviti seni berpotensi untuk mengurangkan tahap tekanan dengan ketara.

Teori Pembelajaran Yang Menyokong Integrasi Seni Visual dan Muzik

Terdapat beberapa teori yang menyokong pengintegrasian seni visual dan seni muzik dalam pendidikan. Antaranya adalah teori pembelajaran konstruktivisme. Teori ini merupakan teori yang mengemukakan cara pembelajaran pelajar yang membina pengetahuan atau dipanggil '*scaffolding*' untuk membina ilmu mereka sendiri. Setiap pelajar secara individu dan sosial membina makna sesuatu pembelajaran. Teori ini juga adalah berasaskan pandangan bahawa proses pembelajaran adalah aktif dan dinamik. Ilmu dibina dan berkembang sedikit demi sedikit sepanjang hayat seseorang kanak-kanak itu. Dalam erti kata lain, perkara-perkara yang dilalui seseorang individu merupakan himpunan pengalaman yang pernah dilalui oleh manusia itu. Individu akan membina atau konstruksi ilmu pengetahuan dengan usahanya sendiri, bukan menguasainya daripada orang lain sepanjang proses membina pengetahuan ini.

Lain daripada itu, integrasi Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Muzik meletakkan Teori Kecerdasan Manusia (1983) oleh Howard Gardner sebagai asas pemupukan minda murid untuk mencapai kecemerlangan. Teori ini amat jelas menyokong seni yang mengambil peranan penting dalam kurikulum. Oleh itu guru perlu menggalakkan murid untuk mengenal dan menggunakan kelebihan diri mereka. Selain itu, guru perlu merancang aktiviti pembelajaran yang pelbagai untuk memenuhi keperluan murid yang mempunyai gaya belajar, mencuba idea, pendekatan dan teknik yang baru serta persekitaran yang memberi inspirasi.

Dalam bidang muzik pula, tokoh-tokoh seni muzik seperti Emile Jacques Dalcroze, Carl Orff, Shinichi Suzuki, Zoltan Kodaly dan Erwin Gordon juga mengenangkan teori pembelajaran berasaskan otak kanan dan otak kiri, hampir sama seperti yang diketengahkan oleh Howard Gardner. Walau pun setiap pengkaedahan muzik mempunyai latar belakang yang berbeza tetapi setiap daripada mereka banyak memberi perhatian kepada penghayatan kepada murid. Secara yang tersirat, pengertian ini menunjukkan bahawa murid-murid akan belajar menggunakan kemahiran berfdikir dan penghayatan secara berperingkat.

Pandangan Pakar Dalam Bidang Seni Visual Dan Muzik

Menurut Iberahim Hassan dan Roskang Jailani dalam Johari Abu (2004), bidang seni visual mampu menyediakan ruang untuk meningkatkan kualiti insan. Perkataan perasaan merupakan satu konsep yang susah hendak dihuraikan tetapi perasaan hampir sama dengan pengkajian emosi. Perasaan merupakan sebagai reaksi badan terhadap rangsangan yang seseorang kanak-kanak itu tidak bersedia menghadapinya atau yang memberikan sumber manfaat dan kerugian yang mungkin kepada seseorang.

Emosi dan perasaan kanak-kanak adalah lebih hebat sifatnya berbanding dengan orang dewasa. Jika seorang dewasa tidak menyedari hakikat tingkah laku kanak-kanak, dia mungkin tidak akan memahami kenapa seorang kanak-kanak itu bersikap negatif terhadap sesuatu situasi yang dianggap remeh yang tidak sewajarnya menimbulkan reaksi yang sedemikian.

Perasaan atau reaksi seseorang individu terhadap sesuatu itu tidak sama dengan individu-individu lain. Tegasnya tidak ada dua individu yang serupa dari segala segi.

Cadangan Aktiviti Untuk Proses Integrasi Seni Visual Dan Muzik Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Menurut Iberahim Hassan dan Roskang Jailani dalam Mohd Johari bin Abd.Hamid (2004), merujuk kepada objektif pembelajaran seni visual, tujuannya adalah untuk menajamkan persepsi pelajar. Semua pembelajaran seni visual dan muzik menitikberarkan kepada persepsi pengamatan terhadap visual dan bunyi dalam proses mendapat pengetahuan, melayani perasaan dan pernyataan, yang semuanya berlaku melalui deria kanak-kanak. Sesetengah orang berpendapat bahawa pengamatan melalui deria adalah kunci kepada ilmu dan pengetahuan. Hal ini disokong oleh Iberahim Hassan dan Jamilah Ismail (2004), yang menyatakan bahawa tingkah laku asas dalam proses seseorang melengkapkan ilmu pengetahuan adalah melalui penerokaan alam sekitarnya.

Menurut Iberahim Hassan dan Roskang Jailani dalam Mohd Johari bin Abd.Hamid (2004) lagi, proses pengamatan memerlukan seseorang itu membuat penelitian, menganalisis, mensintesis dan menilai. Pendeknya, proses ini memerlukan kanak-kanak mengurus maklumat yang memerlukan tindakan integrasi seara kreatif.

Kedua-dua tokoh ini mencadangkan, sebelum aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dijalankan, guru dikehendaki untuk menentukan tema pembelajaran terlebih dahulu. Tema ini menjadi panduan kepada guru-guru untuk membuat perancangan PdPc mereka. Tema yang dipilih hendaklah mesra murid, selain guru cekap menguasai konten atau ruang lingkup tema tersebut. Contohnya, sekiranya guru mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, bolehlah beliau memilih tema alam sekitar. Tema ini akan dikaitkan pula dengan kemahiran yang diajar seperti kemahiran mengenal huruf vokal.

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati bahawa guru menggunakan seni kebanyakannya untuk membantu perkembangan kemahiran kanak-kanak dan merangsang pembelajaran mereka. Guru juga menggunakan seni untuk memperkenalkan tema, memotivasi kanak-kanak, dan khususnya untuk menarik perhatian mereka.

Kehidupan dan pembelajaran merupakan hala tuju yang artistik bagi kanak-kanak. Mereka dilahirkan dengan keperluan dan keinginan untuk mengetahui dunia di sekeliling mereka. Pemahaman mereka terbentuk dengan mempelajari sesuatu yang baru. Kanak-kanak bukan sahaja perlu mengetahui fakta-fakta yang tersirat tetapi juga mengetahui bagaimana idea-idea berhubung kait di antara satu dengan yang lain. Mereka boleh mencipta satu pemahaman tentang bagaimana untuk menghubungkait seni dengan perasaan, intuisi dan kreativiti manusia. Seni dalam konteks ini merujuk kepada Muzik dan Seni Visual. Justeru, salah satu cara asas untuk memenuhi perasaan ingin tahu dan kehendak kanak-kanak adalah melalui aktiviti seni yang mampu membangunkan potensi mereka untuk menjadi insan yang kreatif dan imaginatif.

Rujukan

- Almodovar, M. (2018), integrating music, drama, and the visual arts in the early childhood curriculum: a study of early childhood. Retrieved from https://scholarworks.umass.edu/open_access_dissertations/195Jenson, K. (2018). Early childhood: Learning through visual art. *He Kupu*, 5 (3), 75-82.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Modul Program Diploma (DPLI) Sekolah Rendah (SR) Komponen Wajib SPK2202W Kemaskini Ogos 2013*, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Johari bin Abd. Hamid, (2004). Pendidikan seni visual dan muzik, Tanjong Malim: UPSI.
- Probine, S. (2019). An introduction to the visual arts in early childhood education. Retrieved from <https://theeducationhub.org.nz/category/ece-resources/>
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2001), Pembelajaran secara konstruktivisme, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Saayah Abu, *Menjadi Guru Tadika* (2008), Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Sukatan Pelajaran Dunia Seni Visual Tahun 1 KSSR (2015), Pusat Perkembangan Kurikulum, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Zulkifli Yaakob dan Mohd Jamel Ismail, Modul HBEF1403 Seni Dalam Pendidikan (2011), Kuala Lumpur: Universiti Terbuka Malaysia